

PM yakin AS tetap

UM 13 OCT 2003

Daripada
ZULKIFLEE BAKAR

BANDAR SERI BEGAWAN 12 Okt. — Malaysia yakin Amerika Syarikat (AS) akan tetap menyerang Iraq walaupun tidak mendapat persetujuan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, ini kerana Presiden AS, George W. Bush kini berada dalam keadaan tersepit selepas membuat kenyataan bahawa negaranya akan tetap melancarkan serangan berkenaan walaupun tanpa persetujuan PBB.

“Dia (Bush) sudah komited dalam soal itu (menyerang Iraq) dan jika AS tidak melakukan serangan tersebut ia boleh memalukannya dan orang tidak akan menghormati beliau,” katanya ketika berdialog dengan masyarakat Malaysia di Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini, hari ini.

Dr. Mahathir yang dalam rangka lawatan dua hari ke Brunei bermula semalam diminta mengulas keputusan Kongres AS meluluskan usul memberi mandat kepada Bush untuk melakukan apa juga tindakan bagi menverang Iraq.

suh-musuh negara Islam termasuk Israel,” katanya.

Perdana Menteri berkata, adalah menjadi hak Kongres AS untuk memberi sebarang mandat kepada Bush tetapi apa yang penting PBB harus mengawasi dan menentukan sebarang tindakan ke atas Iraq harus mendapat persetujuan

Perdana Menteri berkata, beliau pasti apabila tiba masanya, AS tetap akan menyerang Iraq kerana selama ini Bush sentiasa bertindak menghentikan apa juga usaha yang boleh menghalang niatnya itu.

“Jika AS menyerang Iraq, kesan peperangan itu bukan sahaja akan dirasai oleh kedua-dua negara berkenaan tetapi juga seluruh dunia,” katanya.

Ini kerana kata beliau, selain menjadi rakan dagangan terbesar kepada Malaysia, AS juga adalah rakan dagangan kepada negara lain-lain dan keadaan ini sudah tentulah akan menjejaskan ekonomi dunia.

Beliau berkata, secara umumnya, dunia akan merasa bimbang manakala mungkin sesetengah umat Islam akan melakukan tindakan keganasan kerana mereka marah.

“Keadaan itu sudah tentulah akan menyebabkan dunia akan menjadi tidak stabil...apabila dunia tidak stabil maka urusan perdagangan juga tidak dapat berjalan dengan baik,” katanya.

Dr. Mahathir menegaskan, AS akan menyerang Iraq dengan tanggapan bahawa ia boleh dilakukan melalui peperangan yang singkat dengan cara melakukan serangan bom dari udara.

badan dunia tersebut. “Tetapi PBB (hakikatnya) tidak ada kuasa dan tentera untuk menghalang AS daripada melakukan tindakan sendirian kerana PBB hanya mampu menghalang negara kecil daripada berbuat demikian dan bukannya kuasa besar dunia seperti AS,” katanya. — *Utusan*

Malaysia tegas Perdana Menteri tetap membantah serangan berkenaan kerana ia tidak membantu menumbangkan pemerintahan Presiden Saddam Hussein sebaliknya akan mencetuskan lebih banyak kemarahan dan penderitaan kepada rakyat Iraq.

Sebelum itu, mengulas perkara yang sama pada sidang akhbar, Perdana Menteri berkata, sebarang tindakan negara-negara Islam untuk keluar daripada menjadi anggota PBB tidak akan mendatangkan sebarang kesan kepada usaha AS menyerang Iraq.

Sebaliknya, kata beliau jika negara Islam terus menjadi anggota PBB mereka akan mampu mengemukakan bantahan terhadap cadangan AS tersebut.

“Jika kita (negara Islam) keluar dari PBB, pengaruh kita akan hilang, umpamanya PBB kini sedang ditekan supaya menyetujui serangan ke atas Iraq, kalau kita tidak ada di badan dunia itu untuk menentang rancangan ini mungkin PBB akan sokong dan ia hanya akan mengecewakan kita,” katanya.

Beliau berkata, langkah untuk keluar dari PBB dengan alasan ia boleh menjejaskan sumber kewangan badan dunia tersebut adalah tidak berasas.

“Ini kerana majoriti wang negara Islam bukannya diberikan kepada PBB sebaliknya disimpan di AS dan wang itu bukannya disimpan begitu sahaja tetapi dijadikan pinjaman.

“Wang itu mungkin diguna untuk membuat senjata dan membantu mu-

serang Iraq